

PENDIDIKAN QURAN SUNNAH

ADAB BERJUAL BELI

TA'RIF JUAL BELI

- Dari segi bahasa ialah , jual beli bermaksud menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain
- Dari segi istilah ialah , bermaksud akad pertukaran barang dengan barang yang membawa kepada pemilikan selama - lamanya



DALIL AL-QURAN

Maksudnya:-

Dan Allah menghalalkan jual beli dan
mengharamkan ribaa.....

(surah al baqarah 2:275)

HUKUM BERJUAL BELI

| HUKUM | CONTOH |
|--------|---|
| WAJIB | Ketika seseorang memerlukan suatu barang seperti makanan |
| HARAM | Jual beli barang yang diharamkan seperti arak |
| SUNNAH | Melebihkan timbangan kepada pembeli untuk tujuan bersedekah |
| MAKRUH | Jual beli sewaktu azan jumaat yang pertama |
| HARUS | Jual beli yang menepati syarat-syarat jual beli |

ADAB PENJUAL

1. Memberi layanan mesra kepada pelanggan
2. Mengutamakan pelanggan
3. Tidak ada unsur penipuan
4. Sabar kerenah pelanggan
5. Menggunakan bahasa yang baik dengan pelanggan
6. Memberi layanan yang sama kepada pelanggan
7. Mengutamakan kebersihan dan keceriaan
8. Mengutamakan kualiti
9. Meletakkan harga berpatutan

ADAB PEMBELI

1. Mengelak daripada menimbulkan banyak kerentak
2. Berkomunikasi dengan bahasa yang baik
3. Berpatutan dalam tawar – menawar
4. Menjaga nama baik penjual

KEPENTINGAN BERADAB KETIKA BERJUAL BELI

| PENJUAL | PEMBELI | MANFAAT BERSAMA |
|--------------------------------------|------------------------------------|--|
| 1. Disukai dan dihormati orang ramai | 1. Mendapat barang yang berkualiti | 1. Merapatkan silaturrahim sesama anggota masyarakat |
| 2. Melariskan jualan | 2. Mendapat layanan yang mesra | 2. Wujud perasaan redha –meredhai |
| 3. Premis menjadi tumpuan pelanggan | 3. Mendapat harga yang berpatutan | 3. Jual beli tersebut mendapat keberkatan daripada ALLAH |
| 4. Menaikkan imej penjual | 4. Memperolehi kepuasan berbelanja | 4. Mengelakkkan berlakunya pertelingkahan |

KEPENTINGAN BERJUAL BELI DALAM MEMENUHI TUNTUTAN FARDHU KIFAYAH

Pada zaman ini, umat islam masih ketinggalan dalam dunia perniagaan disebabkan bilangan yang menyertai sangat sedikit. Fenomena ini tidak sepatutnya berlaku kerana perniagaan adalah fardhu kifayah bagi umat islam. Dengan melaksanakan tuntutan ini, umat islam dapat melaksanakan pelbagai kepentingan. Antaranya :

1. Tidak perlu bergantung dengan negara asing
2. Membantu meningkat ekonomi umat
3. Membantu golongan yang tidak berasas baik
4. Menghindari masyarakat daripada terlibat dengan transaksi yang meragukan dan bertentangan dengan syarak
5. Memenuhi keperluan masyarakat

SOALAN2!!!

1. Jelaskan taarif jual beli beserta dalil al quran??
2. Jelaskan hukum2 yang berkaitan dengan jual beli??
3. Nyatakan adab berjual beli??
4. Mengapakan islam menggalakkan jual beli??
5. Jual beli merupakan satu fardhu kifayah. Huraikan??

TAMMAT
